

## BERITA

# Aduan ke atas kontraktor renovasi naik hampir seganda pada 2021

Masalah kurang tenaga kerja, bahan mentah adalah punca

JUMLAH aduan yang dibuat terhadap kontraktor kerja ubah suai meningkat hampir seganda tahun lalu, dengan hampir satu daripada dua aduan itu adalah mengenai projek yang tidak diselesaikan mengikut jadual dan kerja yang tidak memusikan.

Tahun lalu, industri itu menerima 1,300 aduan, naik daripada 869 pada 2020, kata Persatuan Pengguna Singapura (Case).

Kenaikan itu adalah disebabkan masalah kekurangan tenaga kerja dan bahan mentah yang berpanjangan dek sekatan sempadan Covid-19 yang berterusan, serta permintaan bagi kerja ubahsui rumah dalam pasaran hartanah kediaman pada tahun lalu.

Dalam perangkaan aduan pengguna tahunan yang dikeluarkan semalam, Case juga berkata ia melihat kemerosotan besar dalam jumlah aduan terhadap industri pelancongan dan juga industri perubatan dan barang perubatan yang diguna habis (medical consumable).

Aduan terhadap industri pelancongan turun daripada 1,800 pada 2020 kepada 673 tahun lalu, dengan sebahagian besar aduan adalah mengenai pembayaran balik bagi penerbangan atau pakej lawatan berpandu yang dibatalkan atau ditunda disebabkan Covid-19.

Terdapat 18 aduan yang berkaitan dengan tempahan penerbangan dan tiket bas di bawah Laluan Perjalanan bagi yang Sudah Menjalani Vaksinasi (VTL).

Kebanyakan aduan ini berkaitan tempahan penerbangan yang diubah dan masalah kuarantin.

Aduan terhadap industri perubatan dan penjaja barang perubatan yang diguna habis melihat kemerosotan 67 peratus, daripada 1,256 aduan pada 2020 kepada 469 aduan tahun lalu.

Penurunan aduan dalam kedua-dua industri pelancongan dan perubatan, serta barang perubatan

yang diguna habis sebahagian besarnya menyumbang kepada kemerosotan 15 peratus dalam jumlah aduan keseluruhan yang diterima Case tahun lalu berbanding 2020.

Pada tahun lalu, ia menerima 15,515 aduan, manakala pada 2020, ia mendapat 18,335 aduan.

Daripada aduan yang diterima tahun lalu, Case membantu 2,069 kes, atau sekitar 13 peratus daripadanya. Daripada jumlah itu, sekitar 65 peratus – atau 1,412 kes – berjaya diselesaikan, dengan \$2 juta dalam bentuk wang tunai dan barang diperolehi semula untuk pengguna.

Case berkata pengguna dalam 13,446 kes lain tidak memerlukan bantuan langsung persatuan itu dan mengambil tindakan susulan dengan perniagaan tersebut sendiri.

Presiden Case, Encik Melvin Yong, berkata komposisi aduan pengguna juga telah kembali ke paras sebelum pandemik Covid-19.

Ini satu “tanda awal bahawa tingkah laku dan tabiat pembelian pengguna di Singapura telah menjadi stabil kepada paras sebelum pandemik”, tambah beliau.

Aduan terhadap industri kecantikan menduduki tempat teratas tahun lalu, dan membentuk hampir satu daripada 10 aduan yang diterima.

Sekitar seperempat aduan terhadap spa dan salon kecantikan adalah berkaitan taktik penjualan memaksa dan dakwaan yang mengelirukan.

Aduan mengenai taktik penjualan memaksa termasuk salon kecantikan tidak membenarkan pengguna meninggalkan premis melainkan mereka membeli pakej kecantikan dan melakukan rawatan ke atas pengguna tanpa kebenaran mereka dan mengenakan bayaran selepas itu.

Dakwaan mengelirukan termasuk salon kecantikan memperdaya pengguna mengenai jumlah sesi dalam pakej dan bagaimana sesetengah rawatan boleh menyembuhkan atau mengurangkan masalah kesihatan.

## MFA gesa Myanmar segera laksanakan konsensus Asean

SINGAPURA kekal amat prihatin dengan keadaan di Myanmar, dan kecewa dengan kurangnya kemajuan dalam pelaksanaan Konsensus Lima Perkara Asean.

Pada April lalu, Asean bersetuju dengan konsensus lima perkara yang bertujuan memulihkan keadaan semakin teruk di Myanmar.

Lima perkara itu termasuk memberhentikan dengan segera keganasan di Myanmar, mengadakan dialog membina dalam kalangan semua pihak, mempunyai seorang utusan khas pengerusi Asean bagi mempermudah pengantaraan proses dialog, Asean harus menyediakan bantuan kemanusiaan, dan utusan serta rombongan khas harus mengunjungi Myanmar untuk bertemu dengan semua pihak yang terlibat.

Kementerian Ehwat Luar (MFA) dalam kenyataannya berkata sudah setahun sejak ram-

pasan kuasa oleh pihak berkuasa tentera berlaku di Myanmar, dan keadaan bagi rakyatnya terus bertambah buruk.

“Kami menggesa pihak berkuasa tentera Myanmar agar melaksanakan konsensus lima perkara itu dengan pantas dan sepenuhnya, termasuk dengan mempermudah lawatan utusan khas ke Myanmar untuk bertemu dengan semua pihak yang terlibat.”

MFA menambah bahawa Singapura menggesa Myanmar membebaskan semua tahanan politik, termasuk bekas pemimpin, Encik U Win Myint dan Cik Aung San Suu Kyi, serta tahanan asing.

Ia juga meminta pihak berkuasa tentera Myanmar mengelakkan tindakan yang akan memudaratkan perdamaian nasional di negara itu.

“Singapura kekal komited dalam menyokong usaha Asean untuk mengurangkan situasi kemanusiaan di Myanmar,” kata MFA.

## Bapa kembar lelaki yang ditemui mati ditahan reman bagi pemerhatian psikiatri

BAPA kembar lelaki berusia 11 tahun yang ditemui mati di sebuah longkang di Upper Bukit Timah telah direman bagi pemerhatian psikiatri di Pusat Perubatan Kompleks Penjara Changi.

Xavier Yap Jung Houn, 48 tahun, dikenakan tuduhan membunuh anaknya, Ethan Yap E Chern minggu lalu.

Warga Singapura itu dituduh membunuh Ethan di longkang tertutup di taman permainan Greenridge Crescent antara 4.23 petang dengan 6.25 petang pada 21 Januari lalu.

Polis berkata Yap telah menghubungi mereka dari taman permainan itu untuk mendapatkan bantuan pada 6.25 petang hari itu.

Anak lelakinya, Ethan dan Aston Yap Kai Shern, kemudian ditemui terbaring tidak ber-

gerak di longkang berhampiran. Mereka disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh paramedik.

Yap pada mulanya dijangka hadir di mahkamah daerah semalam, tetapi kes itu telah dibawa ke hadapan pada Sabtu lalu.

Kesnya telah ditangguhkan ke 18 Feb.

Yap belum didakwa atas kematian Aston.

Minggu lalu, Yap dibawa ke tempat kejadian dengan menaiki van hitam.

Tertuduh memakai baju merah, seluar gelap paras lutut dan selipar, dan berjalan dengan menundukkan kepalanya.

Yap kelihatan digari dan dikelilingi oleh kira-kira lima pegawai polis. Dia kemudian dibawa ke longkang besar, kawasan sekitar yang sebelum ini telah dikepung oleh polis.

## Dana masyarakat TTSH bantu bekas cef jalani hidup lebih bermakna



**TIDUR TANPA SEKATAN PERNAFASAN:** Mesin CPAP yang membantu Encik Mohamda Ruslan Osman, 63 tahun, tidur malam tanpa gangguan. – Foto BH oleh CHONG JUN LIANG

►RABIATUL ADAWIYA BINHAN  
rbinhan@sph.com.sg

INGIN berikhtisar dan mempunyai kehidupan yang bermakna seperti dahulu.

Itulah keinginan Encik Mohamda Ruslan Osman, 63 tahun, yang menghidapi pelbagai penyakit seperti Penyakit Paru-Paru Obstruktif Kronik (COPD), hipertensi dan kencing manis. Sejak 12 tahun yang lalu, kesihatan beliau semakin merosot ke tahap di mana beliau terpaksa keluar dan masuk hospital 14 hingga 15 kali setahun.

Encik Mohamda dahulunya bekerja di hotel tempatan selama lebih 20 tahun sebagai seorang ketua cef sejak beliau melengkapkan Perkhidmatan Negara (NS) sehingga beliau mula jatuh sakit dan harus berhenti bekerja.

Kini, beliau yang telah lama bercerai dengan isterinya dan mempunyai dua anak perempuan berumur 28 dan 30 tahun, tinggal keseorangan di rumah sewa di Ang Mo Kio.

Menurut Encik Mohamda, walaupun beliau bersyukur kerana boleh berikhtisar dan tinggal bersendirian, beliau rasa agak bimbang mengenai penyakit beliau.

“Pada pagi Ahad, tiga minggu lalu, saya mendapat serangan jantung ketika keseorangan di rumah.

“Nasib baik saya masih sadar dan mempunyai telefon bimbit di samping saya untuk menelefon ambulans untuk bantuan,” katanya, yang dahulunya tinggal bersama keluarga abangnya dan baru berpindah ke rumah sewanya pada bulan Mac tahun lalu.

Namun demikian, penyakit beliau tidak menghalangnya untuk meneruskan kehidupan yang bermakna dan aktif.

Encik Mohamda yang gemar memasak seringkali mengambil tempahan catering dari teman-temannya untuk menampung kehidupannya.

“Saya memang gemar memasak dan setiap Hari Raya, saya boleh menerima sebanyak 20 tempahan catering.”

“Setiap hujung minggu, jika saya tidak mempunyai tempahan catering, saya akan turut memasak dan berkongsi masakan saya dengan jiran-jiran saya,” kata beliau yang berpeluang untuk belajar memasak di Switzerland, Jepun, Perancis dan Italy ketika beliau masih bekerja di hotel.

Namun, beliau juga menghadapi banyak cabaran kerana seringkali saraf di kakinya berasa amat sakit sehingga beliau memerlukan tongkat untuk berjalan.

Beliau mudah berasa lelah dan lesu meskipun tidak melakukan apa-apa.

Beliau juga didiagnosis dengan ‘apnea tidur’ – gangguan pada pernafasan secara berulang semasa sedang tidur.

Mujur, di bawah program dana IWanttoGoHome (IWGH) yang ditubuhkan oleh dana masyarakat Hospital Tan Tock Seng (TTSH), beliau kini mempunyai mesin Tekanan Saluran Udara Positif Berterusan (CPAP) yang digunakannya hampir setiap malam supaya beliau tidak menghadapi penekanan pernafasan semasa tidur.

“Saya amat bersyukur atas bantuan yang telah diberikan oleh program dana IWTGH kerana ia membantu saya untuk hidup lebih berkerti sebagai mana saya sering bayangkan sejak keadaan saya semakin teruk.

“Kini, kualiti tidur saya tidak lagi menjejaskan keseluruhan kesihatan saya,” katanya, yang kini bersemangat untuk mengatasi penyakit kencing manis dan hipertensinya supaya mempunyai kehidupan yang lebih berkualiti.

Program dana IWTGH bertujuan untuk memberi sokongan kepada pesakit yang kurang kemampuan untuk pulang ke rumah dengan selamat dan menerima penjagaan berkualiti di rumah mereka.

Ditubuhkan sejak 2018, dana IWGH telah menyokong lebih daripada 1,700 pesakit kurang berkemampuan dengan hampir \$1 juta untuk perkhidmatan penjagaan dan pemulihan mereka.

Dana ini berfungsi sebagai jaringan keselamatan bagi kumpulan pesakit TTSH yang perlu membayar untuk barangan atau perkhidmatan yang tidak dilindungi di bawah skim subsidi atau memerlukan penjagaan kesihatan sementara.

Terutama sekali pada masa pandemik Covid-19, penantian untuk perkhidmatan penjagaan kekal boleh menjadi lebih lama daripada yang dijangkakan dengan sumber yang terhad.

Oleh itu IWGH telah membantu pesakit melalui tempoh yang mencabar ini dengan perkhidmatan kesihatan sementara seperti perkhidmatan penjagaan di rumah dan dialisis.

## Neelofa selamat lahirkan anak sulung



**TIMANG CAHAYA MATA:** Pasangan PU Riz dan Neelofa kini menjadi ibu bapa kepada bayi lelaki yang dilahirkan 29 Januari lalu. – Foto INSTAGRAM NEELOFA

ahkan rasa penghargaan atas doa dan ingatan yang diberikan kepada mereka sekeluarga.

“Saya dan Neelofa ingin merakamkan jutaan penghargaan dan bersyukur atas doa dikirim anda semua.

“Terima kasih atas ingatan kalian sejak kami mendirikan rumah tangga sehingga memimang cahaya mata.

“Sebagaimana kalian mendoakan kesejahteraan saya dan isteri, tahun lalu, mohon titipkan juga doa yang baik agar zuriat yang berada di pangkuan kami mampu menjadi khalifah dan memberikan kebaikan kepada agama serta negara,” katanya.

Pasangan ini juga memohon maaf tidak dapat berkongsi gambar permata hati mereka buat masa ini.

Haris dan Neelofa mendirikan rumah tangga pada 27 Mac tahun lalu.

KUALA LUMPUR: Pelakon dan pendakwah bebas, Muhammad Haris Mohd Ismail, atau PU Riz, berkongsi khabar berita apabila isterinya, Neelofa sudah selamat melahirkan anak lelaki, pada Sabtu lalu.

Menerusi kenyataan media, mereka memilih Muhammad Bilal Muhammad Haris sebagai nama anak sulungnya itu.

“Assalamualaikum. Puji dan syukur kami panjatkan kepada Allah SWT untuk segala berkat dan rahmat-Nya.

“Isteri saya, Noor Neelofa Mohd Noor sudah selamat melahirkan putera sulung pada 29 Januari lalu, jam 3.44 petang.

“Syukur Alhamdulillah, segala urusan dipermudahkan, kini isteri saya sedang berehat.

“Kami sedang melalui satu fasa

yang sangat mengembirakan untuk kami sekeluarga,” katanya kepada BH Online.

Dengan itu, Haris dan Neelofa melu-

### MATA / BUASIR

Rawatan Alternatif / Tradisi

### UNANI DAWAKHANA

# 01-31 Golden Landmark

Tel 6294 7391

Semoga Usaha Kita Diberkati Amin